



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj Kami : KPM.600-17/1/18 Jld.6 (49)
Tarikh : 26 April 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERINGATAN BERKAITAN PERSEDIAAN SEKOLAH BERHUBUNG
PENJAGAAN KEBAJIKAN, KESIHATAN DAN KESELAMATAN MURID SEMASA
MENGHADAPI CUACA PANAS DAN JEREBU**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum laporan Jabatan Meteorologi Malaysia berkaitan keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negara berikutan musim peralihan monsun. Keadaan cuaca panas dan kering sebegini boleh menyebabkan berlakunya fenomena gelombang haba (*heat wave*) yang mendatangkan masalah dan bahaya kepada kesihatan manusia. Cuaca panas yang berpanjangan juga turut menyebabkan beberapa lokasi menunjukkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada paras tidak sihat.

3. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah perlu melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga aspek kebajikan, keselamatan dan kesihatan murid semasa menghadapi keadaan cuaca panas dan kering berpanjangan atau pun sebarang keadaan cuaca yang di luar jangkaan. Semua pihak berkepentingan hendaklah mematuhi garis panduan seperti yang dijelaskan dalam **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Berpanjangan**, bertarikh 26 April 2016 dan **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019: Langkah-Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menjamin Kesihatan Dan Keselamatan Murid Di Sekolah Yang Berada Dalam kawasan Jerebu Yang Dianggap Kritikal**, bertarikh 15 Januari 2019.

...2/-

4. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga perlu mengingatkan pihak institusi pendidikan bawah pentadbiran masing-masing supaya sentiasa merujuk dan mematuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia serta Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dari semasa ke semasa bagi menjamin kesihatan murid/pelajar dan warga institusi pendidikan.


5. Bersama-sama ini disertakan surat siaran berkenaan yang jelas menerangkan maksud untuk tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR NORISAH BINTI SUHAILI

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia